

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN  
NIK ABDUL AZIZ [ BACHOK ]**

**SOALAN : 328**

**YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [ BACHOK ]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan akan memperkenalkan Akta Anti Lompat Parti.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua

1. Perenggan (c) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hak kepada semua warganegara untuk membentuk persatuan seperti yang berikut:

***“Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan.***

**10. (1) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4)—**

(a) ...

(b) ...

(c) *semua warganegara berhak untuk membentuk Persatuan.”.*

2. Hak untuk membentuk persatuan yang dijamin di bawah perenggan (c) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan turut merangkumi hak untuk menyertai atau tidak menyertai persatuan dan juga hak untuk meletak jawatan dalam sesuatu persatuan. Berdasarkan keputusan Mahkamah Agung dalam kes ***Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor v. Nordin Salleh & Anor [1992] 1 CLJ (Rep) 72 (SC)***, telah diputuskan bahawa peruntukan undang-undang mengenai larangan melompat parti merupakan sekatan kepada hak untuk membentuk

persatuan di bawah perenggan (c) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

3. Pada 16 Oktober 2018, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memberikan jawapan kepada pertanyaan lisan oleh Yang Berhormat Kepong di Dewan Rakyat berkenaan isu yang sama. Jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah seperti yang berikut:

*“Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa terbuka terhadap cadangan penambahbaikan berkaitan penggubalan undang-undang daripada pelbagai pihak. Berhubung dengan cadangan untuk menggubal Undang-Undang Anti Lompat Parti, Suruhanjaya Pilihan Raya berpandangan bahawa buat masa ini, setiap warganegara dijamin hak untuk bebas berpersatuan. Ini adalah selaras dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan. Hak untuk bebas berpersatuan ini turut telah dibincangkan dalam keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor. V Nordin bin Salleh & Anor [1992] 1 CLJ Rep masih terpakai.”*

4. Namun, sekiranya Kerajaan berhasrat untuk membuat apa-apa undang-undang untuk menyekat tindakan melompat parti, undang-undang tersebut hendaklah dibuat oleh Parlimen dan tertakluk kepada sekatan yang dibenarkan di bawah perenggan (c) Fasal (2) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

***“Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan.***

10. (2) *Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan—*

(a) ...

(b) ...

(c) *ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (c) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam atau prinsip moral.”.*

5. Walau bagaimanapun, sekiranya undang-undang larangan melompat parti dihasratkan untuk menghilangkan kelayakan seseorang ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri dan kerusinya akan dikosongkan jika beliau melompat parti, undang-undang tersebut adalah tidak selaras dengan Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 6 Bahagian I Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan kerana Fasal (1) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 6 Bahagian I Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan tindakan melompat parti akan menyebabkan seseorang ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri hilang kelayakan untuk menjadi mana-mana ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri.

6. Berhubung dengan cadangan untuk menghapuskan Fasal (6) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan pula, Fasal (6) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan ini dimasukkan melalui Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1990 [Akta A767]. Semasa pembentangan pindaan tersebut di Dewan Rakyat pada 14 Mac 1990 (di muka surat 39 Penyata Rasmi Dewan Rakyat), Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad

(Perdana Menteri pada ketika itu) telah menjelaskan bahawa tujuan pindaan tersebut adalah seperti yang berikut:

*“Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada peruntukan yang menghalang seseorang ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan dan kemudian bertanding semula dalam pilihan raya yang diadakan bagi kerusi yang dikosongkannya itu. Ketiadaan halangan ini memungkinkan seseorang ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan dan bertanding semula bagi kerusi yang sama semata-mata untuk menguji atau membuktikan popularitinya. Apabila ini dilakukan, maka banyaklah masa, tenaga dan wang yang terbuang sedangkan rakyat dan negara tidak mendapat apa-apa faedah daripadanya.”*

7. Oleh yang demikian, apa-apa cadangan untuk menghapuskan Fasal (6) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan suatu perkara dasar yang hendaklah dipertimbangkan oleh Kerajaan dengan berhati-hati dengan mengambil kira tujuan asal Fasal (6) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.